

Ceramah Dato' Ahmad Mustapa Abd Karim

1. Empat persoalan yang perlu kita sentiasa fikirkan iaitu apakah:
 - a. Tujuan hidup
 - b. Tanggungjawab kita
 - c. Fungsi kita
 - d. Matlamat kita
2. Tujuan hidup kita iaitu untuk mendapat bekalan bagi kehidupan yang kekal di akhirat kelak
3. Tanggungjawab sebagai kalifah Allah
4. Fungsi kita memakmurkan bukan merosakan bumi Allah - apakah kita memikirkan semua tindak-tanduk kita
5. Matlamat hidup
 - a. Mendapat keredaan Allah - bukan mmendapat syurga atau jauhi neraka
 - b. Mendapat kejayaan dalam semua usaha kita
 - c. Sejahtera/salam - tidak dibelenggu dengan pelbagai masalah
 - d. Kebahagiaan/sakinah dalam kehidupan
6. Keredaan Allah - berasaskan pegangan bahawa Nabi saw sebagai rasul, Quran sebagai ikutan, Kaabah sebagai kiblat & mengakui seluruh muslimin saudaraku
7. Mendapat kejayaan - seimbang dunia akhirat ; 10 ciri kejayaan sebagaimana dinyatakan oleh Hassan al Bana
 - a. Akidah betul
 - b. Ibadah yang betul - fardu ain atau kifayah mengikut syarat-syaratnya
 - c. berilmu - mencari ilmu bermakna mencari syurga (Sayidina Ali ra) kebaikan dunia/akhirat mesti ada ilmu; Saad Abi Waqas yang balik dari Cina membawa tembikar, sutera, kertas yg merupakan ilmu terbaru menyebabkan Rasul saw suruh belajar sampai negeri Cina

- d. Dapat menewaskan nafsu
- e. Mendatangkan manfaat kepada orang lain; INGAT sumbangan kita mendapat ganjaran sama dengan yang melakukan samaada baik atau sebaliknya
- f. Pandai menjaga waktu - INGAT kita tidak tahu apa akan berlaku esok, apa ada dalam rahim ibu, bila nak hujan, bila kiamat, bila (dimana, bagaimana) nak mati - apa persiapan kita, maka bersedialah
- g. Berusaha agar sihat tubuh badan - agar dapat beramal ibadah dengan sempurna
- h. Berusaha memperbaiki akhlak mulia - jangan rosakan akal, iman, nafsu, jiwa dengan perkara-perkara yang munkar
- i. Benjaya mengimbangi hidup dunia akhirat
- j. Hidup berdikari tidak terlalu bergantung kpd orang

8. TAQWA - Tahu, Akhlak, Quality, Wawasan, Akhlak.

9. Rukun agama - Iman, Islam, Ihsan

10. Ingat sentiasa ada 3 lagi 'orang' menyaksikan kita - Allah, Kiraman & Katibin

11. Sebagai pegawai/insan, kita masuk kategori mana

- a. Wajib - kehadiran kita amat diperlukan dan dirasai
- b. Sunat - kehadiran kita dapat memberi kesan yang baik
- c. Harus - ada atau tidak ada serupa saja
- d. Makruh - ketiadaan kita lebih baik/lebih disenangi
- e. Haram - kehadiran kita sering memberi masalah dan tidak diperlukan

12. Adakah kita boleh senyum kerana senyum adalah kepuasan; adakah kita boleh senyum dalam pekerjaan dan kehidupan kita